

16/03/1999

Pasaran saham bukan pengukur politik, ekonomi

KUALA LUMPUR, Isnin - Suasana politik dan ekonomi Malaysia tidak harus diukur semata-mata dengan melihat paras indeks pasaran saham, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, masyarakat antarabangsa terutama media asing patut melihat keadaan masyarakat negara ini yang hidup dengan aman, tidak berperang sesama sendiri, merompak atau membuat rusuhan.

"Semua indeks memberi gambaran kita mendapat kesan yang baik daripada kawalan tukaran asing. Tetapi, anda patut melihat di sekitar anda iaitu petunjuk yang lebih baik daripada sekadar melihat indeks.

"Rakyat negara ini hidup aman. Jika anda perhatikan walaupun kita mengadakan pilihan raya di Sabah, masyarakat di sana aman damai," katanya dalam wawancara dengan Bloomberg Television yang disiarkan sempena siaran sulung segmen Bloomberg Malaysia, malam tadi.

Dr Mahathir juga berkata, banyak pihak beranggapan pilihan raya negeri Sabah menjadi ujian penting bagi Malaysia yang melalui pelbagai perkembangan dalam tempoh 20 bulan lalu, termasuk krisis ekonomi dan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, beliau berkata sebenarnya pilihan raya Sabah tidak mempunyai pengaruh besar terhadap pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri turut diminta mengulas berhubung langkah memulihkan keyakinan terhadap ekonomi negara dan menarik semula pelabur asing ke negara ini.

Beliau berkata, Malaysia lebih berminat untuk menarik pelabur asing yang membuat pelaburan secara produktif di negara ini.

"Sebenarnya ada dua jenis pelabur asing, iaitu mereka yang melabur secara produktif. Mereka tidak berasa terganggu dengan kawalan tukaran asing dan masih datang melabur berbilion ringgit, misalnya dalam industri petrokimia.

"Tetapi ada sejenis pelabur lagi, iaitu pelabur jangka pendek. Mereka ini masuk ke pasaran saham dan golongan ini boleh menjejaskan kestabilan ekonomi, dengan membuat jualan singkat dan menekan nilai saham," katanya.

Pada wawancara itu, beliau turut ditanya sama ada berasa lega atau kecewa kerana tidak dipanggil memberi keterangan dalam perbicaraan Anwar yang menghadapi empat tuduhan rasuah.

Dr Mahathir berkata, beliau lebih suka jika dipanggil memberi keterangan bagi membolehkannya menjelaskan perkara sebenar.

"Saya fikir adalah lebih baik jika saya memberi keterangan. Apa yang mereka buat ialah memberi soalan kepada saya dan mahu saya menulis jawabannya, saya fikir ia tidak memadai.

"Saya perlu bercakap di mahkamah dan menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku," katanya.

Perdana Menteri berkata, satu soalan yang dikemukakan kepadanya ialah bagaimana beliau boleh menjadi yakin terhadap tuduhan yang dikemukakan terhadap bekas timbalannya itu.

"Ia adalah satu proses yang panjang dan tidak memadai dengan menulis," katanya.

Mengenai sama ada beliau terkejut dengan beberapa peristiwa yang didedahkan sepanjang perbicaraan itu, Dr Mahathir berkata:

"Tidak. Tetapi apa yang memeranjatkan saya ialah prosidingnya, kerana tidak pernah dalam sejarah negara ini perbicaraan berlangsung begitu panjang, dengan sembilan peguam bela mempertahankannya, liputan media

tempatan dan asing ditumpukan kepada Malaysia.

"Tetapi yang lebih memeranjatkan saya ialah di sebalik semua ini, kita masih dituduh tidak mengamalkan perbicaraan yang adil, saya tidak tahu apakah yang dimaksudkan perbicaraan yang adil".

Dr Mahathir turut ditanya sama ada beliau bercadang untuk bersara dalam tempoh terdekat selepas menjadi Perdana Menteri selama 18 tahun kerana usianya kini 73 tahun dan mempunyai beberapa orang cucu.

"Saya sepatutnya bersara tahun lalu kalau tidak disebabkan timbalan saya mengecewakan saya.

Saya berharap untuk bersara sebaik saja menyelesaikan tanggungjawab dan memperbetulkan beberapa perkara sebelum menyerahkan kepada pengganti saya," katanya.

(END)